

CNS0329

U GB 13-01 00151 BB838

BAH

FIRMA GUAMAN YANG ANTI-KERAJAAN MUNGKIN DIKETEPIKAN
Mahathir - Peguam

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Kerajaan akan menimbang cadangan supaya ia tidak lagi menawarkan kerja kepada firma-firma guaman yang bersikap anti-kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

+Kita tidak hendak paksa firma guaman menyokong kerajaan tetapi tidak seharusnya kerajaan menyokong firma yang tak menyokong kerajaan.

+Dengan kerana itu mungkin juga kita hentikan memberi wang yang banyak kepada mereka yang digunakan untuk aktiviti-aktiviti tak bermanfaat,+ katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Beliau telah ditanya mengenai cadangan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pada mesyuarat exconya minggu lepas supaya kerajaan mengkaji semula tawaran kerja yang diberikan kepada firma guaman yang bersikap anti-kerajaan.

Semasa menjawab soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan menghentam peguam+ sekiranya peguam tidak memburuk-burukkan kerajaan di luar negara. -- Lagi.

♥13/01/20-0/MST

CNS0353

U GB 13-01 00135 BB844

BAH

Mahathir - Peguam 2 Kuala Lumpur

Katanya, Majlis Peguam tidak perlu menafikan perkara itu kerana kerajaan mempunyai bukti mengenai kenyataan-kenyataannya yang memburuk-burukkan kerajaan di luar negara.

+Kalau dia tak hendak kita "bash" (hentam) dia, dia jangan "bash" kita...sama-sama jangan "bash",+ kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO.

Ketika ditanyamengenai kemungkinan kerajaan melaksanakan hukuman bukan berbentuk penjara bagi jenayah kecil, beliau berkata, kajian mengenainya sedang dibuat untuk, menentukan hukuman-hukuman yang berkesan bagi menggantikan hukuman penjara.

Beliau berkata, kajian itu bertujuan mengelakkan masyarakat daripada +dihukum+ untuk membiayai kehidupan mereka yang menjalani hukuman di penjara.

+...orang ini membua t j enayah terhadap masyarakat, sebaliknya kehidupan mereka dibiayai masyarakat dan ini tidak menampakkan bahawa orang yang melaku jenayah dikenakan hukuman tetapi masyarakat yang dihukum,+ katanya. -- Lagi.

♥13/01/20-37MST

CNS0357

U GB13-01 001.12 BB845

BAH

Mahathir - Peguam 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berpendapat keadaan seperti itu tidak kena kerana mereka yang melakukan kesalahan kepada masyarakat sepatutnya membayar sara hidup mereka sendiri sekiranya dikenakan hukuman penjara.

Kerajaan ingin mendengar pendapat orang ramai mengenai cadangan itu yang telah dibincangkan pada mesyuarat Kabinet minggu lepas, kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri.

Katanya, ada peguam yang bersetuju supaya hukuman penjara untuk jenayah tertentu digantikan dengan hukuman bentuk lain.

+Kalau orang ramai hendak kita belanja wang yang banyak untuk membiayai penjenayah, kita sanggup. .tetapi bermakna wang itu tidak dapat diguna untuk pembangunan masyarakat yang lain,+ katanya. -- Bernama.

▼13/01/20-42MST